

JERUSALEM DALAM ISLAM:

Keistimewaannya Sebagai
Tanah Yang Diberkati

PROF. DR. 'ABD AL-FATTĀḤ
AL-'AWAYSĪ AL-MAQDISĪ

Diterjemahkan Oleh:
MOHD KHAIRUL ANWAR ISMAIL



اتحاد علماء المسلمين
ABIM

GLOBAL PEACE
MISSION
 Malaysia

Terbit edisi e-buku, Ogos 2022
© Angkatan Belia Islam Malaysia

Sumber Asal: Diterjemahkan dari bahagian pertama makalah
The Significance of Jerusalem in Islam: An Islamic Reference

Pengarang: Prof. Dr. 'Abd al-Fattāh al-'Awaysī al-Maqdisī

Penterjemah: Mohd Khairul Anwar Ismail

Pruf: Mohammad Syafiq Ismail

Reka Bentuk Kulit: Ahmad Aiman

Reka Letak Huruf: Muhammad Fateh



ABIM PRESS PLT (LLP0012799-LGN)

No. 6, Jalan TC 2A/2,

Taman Cemerlang

53100 Kuala Lumpur

MALAYSIA

No. Telefon (P): +603-4108 4500

No. Telefon (HP/Whatsapp): +60133916299

No.Faks: +603-4108 2400

Emel: abimpressmy@gmail.com

Laman Sesawang: www.abimpress.com

FB: www.facebook.com/abimpressmy

Koleksi E-Buku ABIM PRESS boleh diakses dan dimuatturun
secara percuma di pautan berikut:

<https://tinyurl.com/KoleksiEbukuABIMPRESS>

Atau boleh juga ikuti perkembangan E-buku terkini di
halaman FB Abim Press:



MUQADDIMAH PENTERJEMAH



Dengan nama Allāh
Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Segala puji bagi Allāh, Tuhan Sekelian Alam, serta selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muḥammad *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*.

Saya ungkapkan rasa syukur ke hadrat Allāh *subḥānahu wa ta‘ālā* kerana mempermudah jalan kepada terbitnya dua judul terbaharu ini yang merupakan sebahagian daripada siri e-buku Palestin berkesinambungan daripada siri-siri sebelum ini. Judul terbaharu ini adalah terjemahan daripada bahasa Inggeris karya Prof. Dr. ‘Abd al-Fattāh al-‘Awaysī al-Maqdisī, yang berjudul *The Significance of Jerusalem in Islam: An Islamic Reference*. Karya ini diterjemahkan ke bahasa Melayu dengan judul *Jerusalem Dalam Islam*, yang dipecahkan pula kepada dua judul, iaitu yang pertamanya *Keistimewaannya*

Sebagai Tanah Yang Diberkati manakala yang kedua adalah *Manifestasi Keistimewaannya Pada Zaman Rasūlullāh Sallallāhu ‘Alayhi wa Sallam, Para Sahabat dan Tābi‘īn.*

Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Prof. Dr. ‘Abd al-Fattāh yang telah memberikan keizinan kepada saya untuk menterjemahkan karya beliau ini dan seterusnya memberikan keizinan untuk ABIM menerbitkannya. Saya telah menghubungi beliau ketika kunjungan beliau ke Pejabat Global Peace Mission Malaysia (GPM) pada 10 Ogos 2022, dan saya agak berbahagia mendengar keizinan beliau. Beliau juga tentulah gembira lebih-lebih lagi dengan latar belakang beliau sebagai seorang ilmuwan, penerbitan ini adalah selaras dengan apa yang beliau impikan kerana ini adalah sebahagian daripada pencerahan tentang isu Palestin, melalui jalan ilmu.

Akhir kalam, saya mengucapkan terima kasih kepada ABIM dan GPM, kerana sentiasa mengambil berat isu-isu berkaitan umat Islam sejak awal penubuhannya. Buat para pembaca sekalian, selamat membaca dan semoga beroleh manfaat yang besar daripada karya ini. Saya yakin para pembaca sekalian akan dapat lebih banyak jawapan dan pencerahan kenapa tanah Palestin ini istimewa dan diisytiharkan keberkatannya dalam al-Qur’ān

Selamat membaca!

Mohd Khairul Anwar Ismail

Bandar Baru Bangi,

Jumaat, 26 Ogos 2022.

JERUSALEM DALAM ISLAM: Keistimewaannya Sebagai Tanah Yang Diberkati

Oleh:

Prof. Dr. ‘Abd al-Fattāḥ al-‘Awaysī
al-Maqdisī



PENDAHULUAN

Jerusalem boleh dianggap sebagai istimewa – mungkin tempat yang paling istimewa – di atas muka bumi, yang agak berbeza berbanding dengan tempat-tempat yang lain. Ini kerana Allāh telah membezakannya daripada semua tempat yang lain di atas muka bumi ini, terutamanya dalam aspek kehormatannya dan kemuliaannya. Allāh telah

menggerakkan jiwa-jiwa, perasaan-perasaan dan emosi-emosi orang-orang yang beriman, melekatkan hati-hati mereka kepada Jerusalem serta membuatkan mereka rindu kepadanya. Jerusalem telah dipautkan kepada kepercayaan umat Islam, dan ia sampai kepada mewakili imej yang hidup dalam fikiran mereka disebabkan banyak ayat yang diturunkan tentang Kota Suci ini dalam al-Qur'an, dan juga disebabkan kekerapan Nabi Muḥammad bercakap mengenainya, menyenaraikan kebaikan-kebaikannya serta keistimewaan-keistimewaannya.

TANAH YANG DIBERKATI

Salah satu sifat yang paling komprehensif yang disebutkan dalam al-Qur'an dan hadis Nabi Muḥammad ialah, Shām amnya dan Palestin khususnya dianggap sebagai tanah yang diberkati:

1. Tentang Nabi Ibrāhīm, Allāh *ta'ālā* berfirman dalam al-Qur'an:

وَمَجَّيْنَاهُ وَلُوطًا إِلَى الْأَرْضِ الَّتِي بَارَكْنَا فِيهَا

لِلْعَالَمِينَ ﴿٧١﴾

“Dan Kami selamatkan dia dan (sepupunya) Nabi Lūṭ ke negeri yang Kami limpahkan berkat padanya untuk umat manusia.” (Sūrah al-Anbiyā', ayat 71)

2. Allāh berfirman:

وَلَسَلِيمَانَ الرِّيحَ عَاصِفَةً تَجْرِي بِأَمْرِهِ إِلَى
الْأَرْضِ الَّتِي بَارَكْنَا فِيهَا وَكُنَّا بِكُلِّ شَيْءٍ

عَالِمِينَ ﴿٨١﴾

“Dan (Kami mudahkan) bagi Nabi Sulaymān angin yang kencang tiupannya, bertiup menurut kehendaknya ke negeri yang Kami limpahi berkat padanya; dan adalah Kami mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.” (Sūrah al-Anbiyā’, ayat 81)

3. Allāh berfirman:

وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ الْقُرَى الَّتِي بَارَكْنَا فِيهَا
قُرَى ظَاهِرَةً وَقَدَرْنَا فِيهَا السَّيْرَ سِيرُوا فِيهَا

لِيَالِي وَأَيَّامًا آمِنِينَ ﴿١٨﴾

“Di antara mereka dan negeri-negeri yang telah Kami limpahkan kepadanya Berkat Kami, Kami telah meletakkan Kota-kota di kedudukan yang terkemuka, dan di antara mereka Kami telah menetapkan peringkat perjalanan yang sepatutnya kadar: berjalanlah di dalamnya dengan

aman, pada waktu malam dan siang hari.”
(Sūrah Sabā’, ayat 18)

4. Allāh berfirman:

وَأُورِثْنَا الْقَوْمَ الَّذِينَ كَانُوا يُسْتَضْعَفُونَ
مَشَارِقَ الْأَرْضِ وَمَغَارِبَهَا الَّتِي بَارَكْنَا فِيهَا^ط

“Dan Kami wariskan kepada kaum (Banī Isrā’īl) yang telah tertindas itu akan daerah-daerah timur bumi (Palestin) dan daerah-daerah baratnya, yang Kami telah melimpahkan berkat padanya...” (Sūrah al-A‘rāf, ayat 137)

5. Allāh berfirman:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ
الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي
بَارَكْنَا حَوْلَهُ

“Maha Suci Allāh yang telah menjalankan hamba-Nya (Muḥammad) pada malam hari dari Masjid al-Ḥarām (di Makkah) ke Masjid al-Aqṣā (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya.” (Sūrah al-Isrā’, ayat 1)

6. Diriwayatkan bahawa Nabi Muḥammad bersabda: “Allāh telah memberkati apa yang ada di antara *al-‘Arīsh* dan *al-Furāt*, dan menjadikan Palestin khususnya sebagai suci.”¹

Keberkatan, di sini, seperti yang dinyatakan oleh para ulama, adalah kedua-duanya, (keberkatan berbentuk) fizikal dan moral. Keberkatan fizikal digambarkan – sebagai contoh – pada kedudukan geografinya yang luar biasa strategik, kepelbagaian ciri-ciri geografinya, dan buah-buahannya yang banyak. Keberkatan moral pula digambarkan – sebagai contoh – menerusi fakta bahawa malaikat turun di sana dan nabi-nabi menyampaikan risalahnya dan dikebumikan di sana. Ia adalah tanah di mana para nabi yang mulia seperti ‘Īsā, Dāwūd dan Sulaymān dilahirkan, dibesarkan dan mempunyai misi mereka di sana, atau merupakan tempat di mana para nabi yang lain berhijrah, seperti Ibrāhīm dan Lūt, atau tempat di mana mereka dikebumikan, seperti Nabi Ibrāhīm, Ishāq, Ya‘qūb, Yūsuf dan Mūsā. Ia juga adalah tanah di mana Nabi Muḥammad solat bersama para nabi yang lain, sebagai imam kepada para nabi di Masjid al-Aqṣā pada malam Isrā’ dan Mi‘rājnya, sepertimana diriwayatkan oleh Imām Aḥmad bin Ḥanbal dalam *Musnadnya*, dengan memetik kata-kata Ibn ‘Abbās.

1 ‘Alā’ al-Dīn ‘Alī al-Muttaqī bin Ḥusām al-Dīn al-Hindī, *Kanz al-Ummāl fī Sunan al-Aqwāl wa al-Af‘āl* (Mu’assasah al-Risālah, Beirut, 1979), hlm. 303-304; lihat juga Ibn ‘Asākir, *Tabdhīb Tārīkh Dimashq al-Kabīr* (Dār al-Masīrah, Beirut, 1979), bahagian pertama, hlm. 35.

Ia juga merupakan tempat turunnya para malaikat. Malaikat Jibrīl pernah turun di sana dari Syurga membawa wahyu kepada para nabi dan para rasul Allāh, supaya mereka boleh menyampaikan risalahnya kepada manusia. Malaikat-malaikat lain juga pernah turun di sana sebagai utusan untuk menjalankan tugas tertentu. Sebagai contoh, Allāh berfirman dalam al-Qurʿān:

هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ ضَيْفِ إِبْرَاهِيمَ الْمُكْرَمِينَ ﴿٢٤﴾ إِذْ
 دَخَلُوا عَلَيْهِ فَقَالُوا سَلَامًا ۖ قَالَ سَلَامٌ قَوْمٌ مُنْكَرُونَ
 ﴿٢٥﴾ فَرَاغَ إِلَىٰ أَهْلِهِ فَجَاءَ بِعِجْلٍ سَمِينٍ ﴿٢٦﴾ فَقَرَّبَهُ
 إِلَيْهِمْ قَالِ أَلَا تَأْكُلُونَ ﴿٢٧﴾ فَأَوْجَسَ مِنْهُمْ خِيفَةً ۖ
 قَالُوا لَا تَخَفْ ۖ وَبَشَّرُوهُ بِغُلَامٍ عَلِيمٍ ﴿٢٨﴾

“Sudahkah sampai kepadamu (wahai Muḥammad) perihal tetamu Nabi Ibrāhīm yang dimuliakan? Ketika mereka masuk mendapatkannya lalu memberi salam dengan berkata: "Salam sejahtera kepadamu!" Ia menjawab: Salam sejahtera kepada kamu! "(Sambil berkata dalam hati): mereka ini orang-orang yang tidak dikenal. Kemudian ia masuk mendapatkan Ahli rumahnya serta dibawanya keluar seekor anak lembu gemuk (yang dipanggang). Lalu dihidangkannya

kepada mereka sambil berkata: "Silalah makan." (Setelah dilihatnya mereka mereka tidak menjamah makanan itu), maka ia merasa takut dari keadaan mereka. (Melihat kecemasannya), mereka berkata: "Janganlah engkau takut (wahai Ibrāhīm)." Lalu mereka memberikan berita gembira kepadanya, bahawa ia akan beroleh seorang anak yang berpengetahuan." (Sūrah al-Dhāriyāt, ayat 24-28)

Ringkasannya, Nabi Muḥammad telah menjelaskan tentang keberkatan dalam aspek moral ini, berdasarkan kepada riwayat al-Tirmidhī dalam *Ṣaḥīḥ*nya, bahawasanya Zayd bin Thābit al-Anṣārī berkata: "Daku mendengar Rasūlullāh bersabda:

طَوْبِي لِلشَّامِ طَوْبِي لِلشَّامِ طَوْبِي لِلشَّامِ ، قالوا يا رسولَ وبم

ذلك قال : لأن ملائكةُ الله باسطوا أجنحتها على الشَّامِ

"Alangkah beruntungnya Shām! Betapa beruntungnya Shām!" Para sahabat bertanya, "Mengapakah wahai Rasūlullāh?" Rasūlullāh bersabda, "Sesungguhnya Malaikat-malaikat Allāh telah melebarkan sayap mereka ke atasnya"² Ibn 'Abbās menambah: "Para nabi membina Jerusalem." "Dan para nabi tinggal di

2 Muḥammad Nāsir al-Dīn al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah*, al-Maktab al-Islāmī, Beirut, edisi ke-2, bahagian ke-2, hlm. 5, hadith no. 503.

dalamnya. Tidak ada satu inci pun di Jerusalem di mana seorang nabi tidak solat di atasnya atau malaikat tidak berdiri di atasnya.”

Antara aspek keberkatan ini, baik fizikal mahupun moral, yang masyhur tentangnya adalah: tempat di mana Nabi Ibrāhīm berhijrah, tanah suci, tanah perjalanan *Isrā'* dan *Mi'rāj*, tanah di mana umat Islam mula-mula berpaling (arah kiblat) ketika solat, tanah tempat perjuangan suci kerana mencari keredaan Allāh, tanah yang dijanjikan, tanah sebagai pusat kekhalifahan Islam pada masa depan, dan tanah sebagai tempat di mana manusia akan dibangkitkan daripada kematian dan berkumpul di atasnya pada Hari Penghakiman.

PERTAMA:

TANAH DI MANA MENJADI TEMPAT NABI IBRĀHĪM BERHIJRAH

Pada masa kedaulatan kaum Kana'an ke atas Palestin, Nabi Ibrāhīm (yang merupakan bangsa Amorite dari kalangan Arab yang telah menubuhkan Kerajaan Babylon di Iraq) berhijrah ke sana apabila kaumnya ingin membunuhnya. Nabi Ibrāhīm telah meninggalkan negaranya, Ur di Iraq, sekitar tahun 1805 SM, bersama-sama dengan anak saudaranya Lūṭ dan yang lain, untuk cuba menyebarkan risalahnya. Ini jelas dari ayat-ayat al-Qur'an dan hadis Nabi Muḥammad, seperti berikut:

1. Allāh berfirman:

فُلْنَا يَا نَارُ كُونِي بَرْدًا وَسَلَامًا عَلَىٰ
إِبْرَاهِيمَ ﴿٦٩﴾ وَأَرَادُوا بِهِ كَيْدًا فَجَعَلْنَاهُمُ
الْأَخْسَرِينَ ﴿٧٠﴾ وَنَجَّيْنَاهُ وَلُوطًا إِلَى الْأَرْضِ
الَّتِي بَارَكْنَا فِيهَا لِلْعَالَمِينَ ﴿٧١﴾

“Kami berfirman: “Hai api, jadilah engkau sejuk serta selamat sejahtera kepada Ibrāhīm!” Dan mereka (dengan perbuatan membakarnya itu) hendak melakukan angkara yang menyakitinya, lalu Kami jadikan mereka orang-orang yang amat rugi, (kalah dengan hinanya). Dan Kami selamatkan dia dan (sepupunya) Nabi Lūṭ ke negeri yang Kami limpahkan berkat padanya untuk umat manusia.” (Sūrah al-Anbiyā’, ayat 69-71)

2. Allāh berfirman:

فَأَمَّنَ لَهُ لُوطٌ وَقَالَ إِنِّي مُهَاجِرٌ إِلَىٰ رَبِّي إِنَّهُ
هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٦٦﴾

“Setelah itu Lūṭ beriman kepadanya dan Nabi Ibrāhīm pun berkata: “Aku hendak

berhijrah kepada Tuhan-Ku, sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.” (Sūrah al-‘Ankabūt, ayat 26)

3. Abū Dāwūd meriwayatkan daripada ‘Abdullāh bin ‘Umar bahawasanya beliau berkata, daku mendengar Rasūlullāh bersabda: “Akan ada hijrah setelah hijrah, sebaik baik penduduk bumi adalah orang yang tetap tinggal di tempat hijrahnya Nabi Ibrāhīm, dan menetap kekal di bumi ini ahli-ahlinya yang jahat, kemudian mereka diusir dari negerinya dan dibenci Allāh, dan mereka dikumpulkan dalam api neraka bersama kera dan babi.”³

KEDUA:

TANAH SUCI

Iaitu tanah yang disucikan, kerana ia disucikan daripada penyembahan berhala, dijadikan sebagai tempat kediaman para nabi dan orang-orang yang beriman, serta dijadikan makam dan tempat pengkebumian mereka. Perkara ini terkandung di dalam ayat-ayat al-Qur’ān dan hadis Nabi, seperti berikut:

1. Al-Qur’ān memetik kata-kata Nabi Mūsā apabila baginda berkata kepada kaumnya, setelah mereka berangkat keluar dari Mesir:

3 Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd*, Dār al-Fikr, Beirut, bahagian ke-3, hlm. 4, hadis no. 2482.

يَا قَوْمِ ادْخُلُوا الْأَرْضَ الْمُقَدَّسَةَ

“Wahai kaumku, masuklah ke Tanah Suci (Palestin)...” (Sūrah al-Mā'idah, ayat 21)

2. Ibn 'Asākir menyebutkan bahawasanya Mu'ādh bin Jabal telah berkata: “Tanah suci terletak di antara *al-Arīsh* dan *al-Furāt*.” Ia juga telah dipanggil tanah suci kerana terdapat di dalamnya tempat-tempat suci Islam seperti Masjid al-Aqṣā, yang dianggap oleh Islam sebagai satu daripada tiga tempat yang dituntut untuk dikunjungi. Al-Bukhārī dan Muslim, dalam koleksi *Ṣaḥīḥ* mereka yang mengumpulkan hadis-hadis Nabi, telah memetik bahawasanya Abū Hurayrah telah meriwayatkan bahawa Rasūlullāh bersabda: “Janganlah kamu bersusah payah mengembara (atau bermusafir bagi tujuan ibadah) melainkan pada tiga buah masjid iaitu Masjidku ini (di Madinah), Masjid al-Ḥarām (di Makkah), dan Masjid al-Aqṣā.”⁴ Dalam hadis yang lain, baginda telah menggambarkan tentang keutamaan tinggal berhampiran dengan Masjid al-Aqṣā dan solat di dalamnya. Al-Ṭabrānī dan al-Bazzār menyebut bahawa Abū al-Dardā' telah meriwayatkan bahawasanya Nabi Muḥammad telah bersabda: “Satu solat di dalam Masjid al-Ḥarām ini seumpama bersolat dengan 100,000 solat, satu solat

⁴ Aḥmad bin 'Alī bin Ḥijr al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī li Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, al-Maktabah al-Salafiyah, Kaherah, bahagian ke-3, hlm. 63; dan bahagian ke-4, hlm. 73, 241.

di masjidku seumpama dengan 1,000 solat, manakala satu solat di Jerusalem bersamaan dengan 500 solat” berbanding dengan solat di masjid-masjid lain.⁵

Sejarah Masjid al-Aqṣā, menurut salah satu hadis nabi, menyerot kembali ke zaman Nabi Ādam apabila baginda pertama sekali telah membina Masjid al-Aqṣā selepas 40 tahun membina Ka’bah di Makkah. Abū Dhar berkata: “Aku bertanya kepada Rasūlullāh tentang masjid pertama di atas muka bumi ini. Rasūlullāh bersabda, “Masjid al-Ḥarām” (di Makkah), Aku bertanya lagi, “Dan kemudian apa?” Rasūlullāh bersabda, “Masjid al-Aqṣā.” Aku bertanya lagi, “Berapa lama tempoh antara keduanya?” Baginda bersabda, “Empat puluh tahun.”⁶ Kemudian ia telah mengalami pengubahsuaian – yang pertama kalinya – oleh Nabi Ya’qūb, dan kemudian – untuk kali kedua – oleh Nabi Dāwūd. Bangunannya telah disempurnakan oleh Nabi Sulaymān. Ka’b al-Aḥbār – yang merupakan salah seorang ulama yahudi yang hebat pada zaman pra-Islam yang kemudian menjadi Muslim – telah menyebut bahawa “Sulaymān telah membina Jerusalem di atas asas purba.” Al-Zarkashī telah menulis pada halaman 30 bukunya *A’lām al-Masājid* bahawasanya “Sulaymān telah mengubahsuai Masjid al-Aqṣā, baginda tidak mengasaskannya.”

5 Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥijr al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī li Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, al-Maktabah al-Salafiyah, Kaheerah, bahagian ke-3, hlm. 97.

6 Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim wa al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*, Dār al-Fikr, Beirut, 1978, edisi ke-2, bahagian pertama, hlm. 370.

KETIGA:
TANAH SEBAGAI PUSAT PERJALANAN
ISRĀ' DAN MI'RĀJ

Nabi Muḥammad telah diperjalankan ke Jerusalem pada waktu malam dari Makkah (Masjid al-Ḥarām), dan telah dibawa naik dari Jerusalem ke langit yang tertinggi. Jerusalem adalah tempat berpusat bagi perjalanan duniawi (*al-Isrā'*) dan perjalanan syurgawi (*al-Mi'rāj*). Ia adalah tempat di mana perjalanan *Isrā'* baginda berakhir dan perjalanan *Mi'rāj* (kenaikan ke langit) bermula. Ini adalah sebagaimana dinyatakan di dalam al-Qur'ān:

1. Allāh berfirman:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ
الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي
بَارَكْنَا حَوْلَهُ

“Maha Suci Allāh yang telah menjalankan hamba-Nya (Muḥammad) pada malam hari dari Masjid al-Ḥarām (di Makkah) ke Masjid al-Aqṣā (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya...” (Sūrah al-Isrā', ayat 1)

2. Semasa *Mi'raj* ke langit, di mana Nabi melihat Jibrīl dalam bentuk aslinya. Allāh berfirman:

وَلَقَدْ رَأَاهُ نَزْلَةً أُخْرَىٰ ﴿١٣﴾ عِنْدَ سِدْرَةِ
الْمُنْتَهَىٰ ﴿١٤﴾ عِنْدَهَا جَنَّةُ الْمَأْوَىٰ ﴿١٥﴾ إِذْ
يَغْشَى السِّدْرَةَ مَا يَغْشَىٰ ﴿١٦﴾ مَا زَاغَ الْبَصَرُ
وَمَا طَغَىٰ ﴿١٧﴾ لَقَدْ رَأَىٰ مِنْ آيَاتِ رَبِّهِ
الْكُبْرَىٰ ﴿١٨﴾

“Dan demi sesungguhnya! (Nabi Muḥammad) telah melihat (malaikat Jibrīl, dalam bentuk rupanya yang asal) sekali lagi, Di sisi "Sidratul-Muntahā"; Yang di sisinya terletak Syurga "Jannatul-Makwā". (Nabi Muḥammad melihat Jibrīl dalam bentuk rupanya yang asal pada kali ini ialah) semasa " Sidratul Muntahā" itu diliputi oleh makhluk-makhluk dari alam-alam ghaib, yang tidak terhingga. Penglihatan (Nabi Muḥammad) tidak berkisar daripada menyaksikan dengan tepat (akan pemandangan yang indah di situ yang diizinkan melihatnya), dan tidak pula melampaui batas. Demi sesungguhnya, ia telah melihat sebahagian dari sebesar-besar

tanda-tanda (yang membuktikan luasnya pemerintahan dan kekuasaan) Tuhannya.”
(Sūrah al-Najm, ayat 13-18)

KEEMPAT:

TANAH KIBLAT PERTAMA (ARAH SOLAT)

Orang-orang Islam pernah mengadap ke Jerusalem ketika mereka mengerjakan solat. Ini berterusan selama 16 atau 17 bulan, sehinggalah arah kiblat ditukar dari Jerusalem ke Ka‘bah, di tengah-tengah bulan Sha‘bān, atau berkemungkinan semasa Rajab, pada tahun kedua setelah Nabi berhijrah ke Madinah. Allāh berfirman:

قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً
تَرْضَاهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ
مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ

“Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menengadahkan ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling mengadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah Masjid al-Ḥarām (tempat letaknya Ka‘bah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya...” (Sūrah al-Baqarah, ayat 144)

KELIMA: TANAH PERJUANGAN SUCI

Terdapat banyak hadis Nabi Muḥammad yang menyatakan bahawa seseorang yang tinggal di Jerusalem adalah seperti orang yang berjuang atau ditempatkan di sana kerana Allāh *ta'ālā*. Ini termasuk:

1. Mu'ādh Ibn Jabal meriwayatkan bahawa Nabi bersabda: “Wahai Mu'ādh! Tuhan Yang Maha Kuasa akan membolehkan kamu menakluki Shām selepas kematianku, dari *al-'Arīṣb* sehingga *al-Furāt*. Lelaki dan wanita di kalangan mereka akan ditempatkan di sana sehinggalah hari kiamat. Sesiapa dari kalangan kamu memilih salah satu pantai Shām atau Jerusalem mereka berada dalam perjuangan suci (jihad) sehinggalah hari kiamat.”
2. Imām Aḥmad meriwayatkan dalam *Musnadnya* bahawa Abū Umāmah al-Bāhili telah meriwayatkan bahawasanya Nabi bersabda: “Sekumpulan dari umatku masih berpegang kepada kebenaran, mereka mengalahkan musuh mereka, dan orang-orang yang berselisih dengan mereka tidak boleh membahayakan mereka sehingga datang perintah Allāh kepada mereka.” Para sahabat bertanya, “Di manakah mereka wahai Rasūlullāh?” baginda bersabda, “Di dalam dan di sekitar Jerusalem.”⁷

⁷ Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad*, al-Maktab al-Islāmī li al-Ṭibā'ah wa al-Nāshir, Beirut, bahagian ke-5, hlm. 269.

3. Berkenaan dengan peperangan di tebing Sungai Jordan, Ibn Hajar al-'Asqalānī meriwayatkan bahawa Abū Idrīs al-Khawlānī mendengar daripada Nahik bin Şurīm al-Sakūnī bahawa Nabi Muḥammad bersabda: “Kamu akan memerangi orang-orang musyrik sehingga saki-baki kamu berperang di Sungai Jordan, kamu di sebelah timurnya dan mereka ke sebelah baratnya.” Al-Sakūnī berkata bahawa pada masa itu dia tidak tahu di manakah atas muka bumi ini letaknya Sungai Jordan.⁸ Ini bermakna bahawa ini peperangan yang diramalkan oleh Nabi akan berlaku di dua tebing Sungai Jordan. Kem umat Islam akan berada di timur sungai, di mana negeri Jordan sekarang, dan angkatan tentera yang lagi satu akan berkhemah di sebelah barat sungai, iaitu di Palestin.

KEENAM:

TANAH YANG DIJANJIKAN⁹

Allāh telah berjanji kepada hamba-Nya yang beriman kepada-Nya dan melakukan amal soleh bahawasanya mereka akan mengalahkan musuh-musuh mereka, akan diperteguhkan

8 Aḥmad bin 'Alī bin H̄jir al-'Asqalānī, *al-l̄ābah fī Tamyīz al-Ṣaḥābah*, al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, Kaherah, 1939, bahagian ke-3, hlm. 545.

9 Lihat 'Abd al-Fattāh al-'Awaysī, *Al-Bishārah al-Nabawīyyah bi al-Khilāfah al-Islāmiyyah al-Qadīmah*, Dār al-Ḥasan, Hebron, 1991, hlm. 23-33.

kamu akan berlaku sombong angkuh dengan melampau. Maka apabila sampai masa janji (membalas kederhakaan kamu) kali yang pertama dari dua (kederhakaan) itu, Kami datangkan kepada kamu hambahamba Kami yang kuat gagah dan amat ganas serangannya lalu mereka menjelajah di segala ceruk rantau (membunuh dan membinasakan kamu); dan (sebenarnya peristiwa itu) adalah satu janji yang tetap berlaku. Kemudian (setelah kamu bertaubat), Kami kembalikan kepada kamu kekuasaan untuk mengalahkan mereka, dan Kami beri kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan dan anak pinak, serta Kami jadikan kamu kaum yang lebih ramai pasukannya. Jika kamu berbuat kebaikan, (maka faedah) kebaikan yang kamu lakukan adalah untuk diri kamu; dan jika kamu berbuat kejahatan, maka (kesannya yang buruk) berbalik kepada diri kamu juga. Oleh itu, apabila sampai masa janji (membalas perbuatan derhaka kamu) kali kedua, (Kami datangkan musuh-musuh kamu) untuk memuramkan muka kamu (dengan penghinaan dan keanasannya); dan untuk memasuki masjid (Bayt al-Maqdis) sebagaimana mereka telah memasukinya pada kali yang pertama; dan

untuk menghancurkan apa sahaja yang mereka telah kuasai, dengan sehancurnya.” (Sūrah al-Isrā’, ayat 4-7)

2. Allāh berfirman:

وَقُلْنَا مِنْ بَعْدِهِ لِبَنِي إِسْرَائِيلَ اسْكُنُوا الْأَرْضَ
فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ الْآخِرَةِ جِئْنَا بِكُمْ لَفِيفًا ﴿١٠٤﴾

“Dan Kami katakan kepada Banī Isrā’īl, sesudah Fir’aun (dibinasakan): "Tinggalah kamu di negeri itu kemudian apabila datang tempoh hari akhirat, Kami datangkan kamu (ke Padang Mahsyar) dengan bercampur-aduk.” (Sūrah al-Isrā’, ayat 104)

3. Allāh berfirman:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ أَئِنَّ مَا تُقِفُوا إِلَّا بِحَبْلِ
مِّنَ اللَّهِ وَحَبْلِ مِّنَ النَّاسِ وَبَاءُوا بِغَضَبٍ مِّنَ
اللَّهِ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ^ج

“Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allāh dan adanya sebab dari manusia. Dan sudah sepatutnya mereka beroleh kemurkaan dari

Allāh, dan mereka ditimpakan kemiskinan (dari segala jurusan)...” (Sūrah ‘Alī ‘Imrān, ayat 112)

4. Allāh berfirman:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكَ لَيَبْعَثَنَّ عَلَيْهِمْ إِلَى يَوْمِ
الْقِيَامَةِ مَنْ يَسُومُهُمْ سُوءَ الْعَذَابِ إِنَّ
رَبَّكَ لَسَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٦٧﴾
وَقَطَّعْنَاهُمْ فِي الْأَرْضِ أُمَمًا

“Dan (ingatlah wahai Muḥammad) ketika Tuhanmu memberitahu: Bahawa sesungguhnya Ia akan menghantarkan kepada kaum Yahudi itu, (terus menerus) hingga hari kiamat, kaum-kaum yang akan menimpakan mereka dengan azab sengsara yang seburuk-buruknya (disebabkan kejahatan dan kekufuran mereka). Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat azab seksa-Nya, dan sesungguhnya Dia juga Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. Dan Kami pecah-pecahkan mereka (kaum Yahudi itu) berpuak-puak (yang bertaburan di merata-rata) dunia ini...” (Sūrah al-A‘rāf, ayat 167-168)

5. Allāh berfirman:

وَلَقَدْ كَتَبْنَا فِي الزَّبُورِ مِنْ بَعْدِ الذِّكْرِ أَنَّ
الْأَرْضَ يَرِثُهَا عِبَادِيَ الصَّالِحُونَ ﴿١٠٥﴾

“Dan demi sesungguhnya, Kami telah tulis di dalam Kitab-kitab yang Kami turunkan sesudah ada tulisannya pada Lauh Mahfuz: "Bahawasanya bumi itu akan diwarisi oleh hamba-hamba-Ku yang soleh.” (Sūrah al-Anbiyā', ayat 105).

6. Allāh berfirman:

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا
الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا
اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ
دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَى لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُمْ مِنْ بَعْدِ
خَوْفِهِمْ أَمْنًا ۗ

“Allāh menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muḥammad) bahawa Ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah

yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Ia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa; dan Ia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah direndahkan-Nya untuk mereka; dan Ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh)...” (Sūrah al-Nūr, ayat 55)

KETUJUH:
**TANAH SEBAGAI PUSAT KHILAFAH
ISLAMIYYAH PADA MASA HADAPAN¹⁰**

Jerusalem adalah pusat dan ibu negara Khilafah Islamiyyah (Khalifah) masa hadapan iaitu pada masa penderitaan dan perselisihan bertambah kuat pada akhir zaman. Mengenai perkara ini, Nabi Muḥammad menyatakan:

1. Imām Aḥmad menukilkan dari Ma‘qal bin Yasār yang meriwayatkan bahawasanya Nabi telah bersabda: “Ketidakadilan akan muncul tidak lama selepas ketiadaanku, dan setiap kali ketidakadilan muncul

10 Lihat ‘Abd al-Fattāh al-‘Awaysī, *Al-Bishārah al-Nabawiyyah bi al-Khilāfah al-Islāmiyyah al-Qadīmah*, Dār al-Ḥasan, Hebron, 1991, hlm. 33-48.

maka keadilan akan hilang sesuai kadar ketidakadilan itu, hinggakan seseorang yang dilahirkan dalam dunia yang penuh ketidakadilan, dia tidak mengetahui yang lain selain ketidakadilan itu. Kemudian Allāh mendatangkan keadilan, dan setiap kali keadilan datang maka sekadar itu pula ketidakadilan berlalu, sehinggakan seseorang yang dilahirkan dalam keadaan keadilan ia tidak mengetahui yang lain melainkan keadilan itu sahaja.”¹¹

2. Imām Aḥmad menukulkan daripada al-Nu‘mān Ibn Bashīr yang meriwayatkan bahawasanya Nabi telah bersabda: “Akan ada zaman kenabian bersama kamu selama mana Dia kehendaki berlaku maka ia berlaku, kemudian Dia akan mengangkatnya (yakni menamatkannya) sekiranya Dia mahu mengangkatnya. Kemudian akan ada zaman Khilafah mengikut manhaj kenabian, maka ia akan terjadi sepertimana yang Allāh kehendakinya, kemudian Dia akan mengangkatnya jika Dia mahu mengangkatnya. Kemudian akan berlaku (zaman) pemerintahan yang menggigit, dan berlakulah keadaan itu sepertimana Allāh menghendakinya berlaku, kemudian Dia akan mengangkatnya jika Dia mahu mengangkatnya. Kemudian akan ada kerajaan yang menindas, maka ia akan berlaku sepertimana yang Allāh mengkehendaki berlaku, kemudian Dia

11 Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad*, bahagian ke-5, hlm. 27.

akan mengangkatnya jika Dia mahu mengangkatnya. Kemudian akan berlaku zaman Khilafah mengikut manhaj kenabian.” Setelah itu baginda diam.¹²

3. Ibn ‘Asākir memetik Yūnus bin Maysarah bin Ḥalbas yang meriwayatkan bahawasanya Nabi telah bersabda: “Perkara ini (yakni Khilafah) akan berlaku selepasku di Madinah, kemudian di Syria, kemudian di Jazirah, kemudian di Iraq, kemudian di Madinah, dan kemudian di Jerusalem. Jika ia (yakni Khilafah) di Jerusalem, ia adalah ibu negaranya, dan sekiranya ada orang yang mengusirnya, ia tidak akan kembali ke sana buat selama-lamanya.”¹³
4. Imām Aḥmad, al-Ḥakīm dan Abū Dāwūd menyebut ‘Abdullāh bin Zughb al-Iyādī yang mendengar daripada ‘Abdullāh Ibn Ḥawwālah al-Azdī bahawasanya beliau berkata: “Nabi meletakkan tangannya di atas kepalaku, lalu bersabda: “Ibn Ḥawwālah, jika kamu melihat bahawa Khilafah telah mengambil tempatnya di tanah suci, maka gempa bumi, fitnah dan peristiwa-peristiwa besar telah dekat, dan hari kiamat pada hari itu lebih dekat kepada manusia berbanding tanganku di kepalamu.”¹⁴

12 Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad*, bahagian ke-4, hlm.273.

13 Ibn ‘Asākir, *Tabdhīb Tārikh Dimashq al-Kabīr*, bahagian pertama, hlm. 42.

14 Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad*, bahagian ke-5, hlm. 288; Lihat juga Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd*, bahagian ke-3, hlm. 19.

5. Ibn Sa'd menyebut 'Abd al-Raḥman bin Abī 'Amīrah al-Muzanī, "Akan ada sumpah taat setia dipandu petunjuk (*bay'ah budā*) di Jerusalem."¹⁵ Pada masa lalu, Khalifah diiktiraf melalui pengangkatan sumpah taat setia oleh masyarakat Islam. Menurut hadis ini masyarakat Islam akan mengangkat sumpah taat setia kepada seorang Khalifah di Jerusalem.

KELAPAN:

TANAH DI MANA MANUSIA AKAN DIBANGKITKAN DAN DIKUMPULKAN

Istilah ini boleh didapati dalam banyak tempat pada hadis Nabi Muḥammad, antara lain:

1. Imām Aḥmad dalam *Musnadnya* meriwayatkan daripada Maymūnah binti Sa'd, bahawasanya beliau bertanya kepada Rasūlullāh, "Wahai Rasūlullāh, khabarkan kepada kami sesuatu tentang Jerusalem." Baginda bersabda, "Tanah di mana tempat manusia akan dibangkitkan (*al-Ḥashr*) dan dikumpulkan (*al-Maḥshar*).
2. Allāh berfirman:

وَاسْتَمِعْ يَوْمَ يُنَادِ الْمُنَادِ مِنْ مَّكَانٍ قَرِيبٍ ﴿٤١﴾

15 'Alā' al-Dīn 'Alī al-Muttaqī bin Ḥusām al-Dīn al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl fi Sunan al-Aqwāl wa al-Af'āl*, bahagian ke-14, hlm. 148, hadis no. 38199.

“Dan dengarlah (apa yang diterangkan kepadamu sekarang ini mengenai hari kiamat), hari (malaikat yang menjadi penyeru, menyeru (makhluk-makhluk yang telah mati) dari tempat yang dekat yang dapat didengar oleh semuanya).”
(Sūrah Qāf, ayat 41)

Ahli tafsir menyatakan bahawa, tempat yang dekat di mana Isrāfīl akan meniup sangkakalanya ialah di batu (*Ṣakhrāh*) di Jerusalem. Di tanah inilah manusia akan dikumpulkan Hari Perhitungan, menurut para ulama.

Sebagai kesimpulan, Penumpuan umat Islam kepada Jerusalem bukanlah bermatlamatkan keduniaan ataupun penjajahan, atau keinginan material untuk meluaskan pemerintahan dan penguasaan mereka, dan bukan juga berdasarkan tuntutan-tuntutan palsu para nasionalis dan mereka yang bersifat perkauman. Bahkan ia adalah gabungan kualiti moral yang istimewa yang membentuk sebab utama dan asasi juga motivasi bagi umat Islam untuk sangat mengambil berat terhadap Jerusalem, dan berusaha untuk menyelamatkannya dan memeliharanya sepanjang zaman.

